

PENERBITAN KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
DICETAK DAN DIEDARKAN OLEH DBP

BULETIN PENDIDIKAN

JILID 3

BILANGAN 5

OKTOBER 1975

25 SEN



Yang Berhormat Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir bin Mohamed sedang menyampaikan ucapannya. Di tengah-tengah ialah Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Tuan Haji Sujak bin Rahiman, manakala di sebelah kiri ialah Tuan Yang Terutama Duta Besar Republik Indonesia di Malaysia, Tan Sri Mohamed Hassan.

UPACARA PERISYTIHARAN PEDOMAN UMUM EJAN DAN PEDOMAN UMUM PEMBENTUKAN ISTILAH BAHASA MALAYSIA

Upacara Perisytiharan Pedoman Umum Ejaan dan Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Malaysia telah berlangsung di Balai Seminar, Dewan Bahasa dan Pustaka pada pagi 30hb. Ogos, 1975 yang lalu.

Yang Berhormat Menteri Pelajaran Dr. Mahathir bin Mohamed telah merasmikan upacara tersebut. Turut serta dalam upacara yang dihadiri oleh kira-kira lima ratus orang itu ialah Tuan Yang Terutama Duta Besar Republik Indonesia.

Berikut ini diterbitkan sepenuhnya ucapan Yang Berhormat Menteri Pelajaran di upacara itu:

Saudara-saudara sekalian,

Saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Taala kerana dengan petunjukNya sekali lagi kita telah berjaya mengadakan satu rumusan yang lebih lengkap bagi sistem ejaan baharu bahasa Malaysia-Indonesia dan satu pedoman pembentukan istilah bagi kedua-dua bahasa.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, sistem ejaan Rumi baharu yang rasmi bagi bahasa Malaysia telah disytiharkan keseluruh negara oleh Y.A.B. Tun Perdana Menteri pada 16 Ogos 1972 telah dilaksanakan pemakaiannya lebih dari tiga tahun. Sistem Ejaan Rumi Baharu Bahasa Malaysia tersebut adalah satu aturan dasar mengenai pemakaian abjad, pengejaan dan penulisan yang

dibuat dengan tujuan utama hendak menyempurnakan sistem ejaan yang lama sekaligus dengan tujuan hendak menyelaraskannya dengan ejaan Rumi bahasa Indonesia. Semenjak dari tarikh perasmianya hingga ke saat ini, pada umumnya sistem ejaan Rumi baharu bahasa Malaysia telah dapat digunakan oleh semua peringkat masyarakat pemakai bahasa dengan baik dan menunjukkan kemajuan yang menggalakkan. Demikianlah juga kemajuannya dengan Ejaan Yang Disempurnakan bagi bahasa Indonesia.

Pada peringkat awal pelaksanaan Sistem Ejaan Rumi Baharu Bahasa Malaysia, berbagai masalah pengejaan kata telah timbul akibat dari perkembangan-perkembangan baharu dalam bahasa Malaysia. Sebagaimana kita sedia maklum, risalah Sistem Ejaan Rumi Baharu Bahasa Malaysia yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka bagi pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dan disebarkan kepada orang ramai pada hari perasmianya tidaklah dapat menampung atau menyelesaikan semua masalah pengejaan kata alam bahasa Malaysia yang kian hari kian berkembang maju. Pihak Jawatankuasa Ejaan Bahasa Malaysia dan Kementerian Pelajaran sedar tentang perkara ini, dan inilah



Sebahagian daripada para hadirin di upacara tersebut.

salah satu sebab mengapa masa peralihan bagi melaksanakan ejaan tersebut diberi selama lima tahun. Dalam masa peralihan ini, segala masalah yang ditimbulkan dari sistem ejaan yang ada sekarang telah dikumpul, dikaji dan diselesaikan sedikit demi sedikit oleh Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia. Masalah pengejaan kata dan lain-lain kemusykilan ejaan yang timbul dalam masa peralihan ini dijadikan bahan untuk menyempurnakan sistem ejaan yang telah dilaksanakan itu. Setelah meneliti perkembangan dan kemajuan pemakaian ejaan Rumi baharu lebih dari dua tahun, pertemuan-pertemuan diadakan antara pihak Malaysia dan Indonesia untuk meneliti dan merumuskan aturan-aturan pengejaan kata yang lebih lengkap dan sempurna. Rundingan-rundingan yang telah diadakan sebanyak enam kali dalam masa lebih dari dua tahun antara Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia dengan Panitia Pengembangan Bahasa Indonesia telah menghasilkan satu pedoman umum ejaan yang lebih sempurna, lengkap dan praktis bagi kedua bahasa.

Pedoman Umum Ejaan Bahasa Malaysia yang akan diisytiharkan ini bukanlah satu sistem baharu yang lain,

tetapi adalah versi ejaan yang mengandungi aturan-aturan ejaan dan pengejaan yang lebih lengkap, termasuk aturan-aturan mengenai pemakaian tanda baca. Sekiranya terdapat perbezaan antara ketentuan-ketentuan dalam versi Pedoman Umum Ejaan Bahasa Malaysia ini dengan aturan-aturan dalam risalah Sistem Ejaan Baharu Bahasa Malaysia tahun 1972 itu, maka ketentuan-ketentuan yang terdapat dalam versi Pedoman Umum Ejaan Bahasa Malaysia ini mestilah dianggap sebagai ketentuan yang disetujui oleh kedua negara Malaysia dan Indonesia. Saya berharap Pedoman Ejaan ini akan dapat memperlengkapkan lagi sistem ejaan baharu bahasa Malaysia yang sedang digunakan sekarang.

Saudara-saudara sekalian,


Pembinaan dan perkembangan bahasa Malaysia untuk menjadi bahasa standard yang moden dan bahasa ilmu pengetahuan sains dan teknologi tidak hanya selesai dengan mengadakan penyempurnaan sistem ejaan semata-mata. Untuk menjadi alat pencapai atau pengantar ilmu pengetahuan moden yang efektif, bahasa Malaysia haruslah dapat berkembang dan maju selaras dengan perkembangan dan kemajuan ilmu pengetahuan itu sendiri. Dalam hal ini, semenjak bahasa Malaysia menjadi bahasa pengantar di kebanyakan sekolah dan seterusnya di pusat-pusat pengajian tinggi, usaha telah dan terus diadakan bagi memperlengkapkannya. Dalam menghadapi peringkat pertumbuhan dan perkembangannya, bahasa Malaysia telah dan sedang mengalami berbagai perubahan dan penyesuaian, terutama sekali di peringkat perbendaharaan katanya. Proses perubahan dan penyesuaian ini telah berlaku semenjak kebudayaan kita mula bertembung dengan kebudayaan-kebudayaan dunia yang pengaruh unsur-unsur bahasanya telah jelas kelihatan meresap ke dalam bahasa kita. Tetapi, proses memperkaya dan memodenkan perbendaharaan kata bahasa Malaysia secara sedar dan berancang telah dimulakan dengan adanya usaha mencipta istilah-istilah yang dikelolakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1956. Pada peringkat awal, pembentukan istilah baharu dalam bahasa Malaysia lebih banyak tertumpu kepada bidang-bidang bukan ilmiah yang lain untuk keperluan pentadbiran dalam bahasa Malaysia yang mula mengambilalih peranan bahasa Inggeris selepas kemerdekaan tahun 1957. Sistem pendidikan kebangsaan yang mengutamakan pemakaian bahasa Malaysia telah mempercepatkan pertumbuhan bahasa Malaysia, terutama sekali apabila tertubuhnya sekolah-sekolah menengah kebangsaan yang kemudiannya diikuti dengan penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1970. Semenjak itu, kegiatan dan usaha penciptaan istilah yang dikelolakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan lain-lain badan didapati bukan sahaja tidak dapat mengejar kemajuan ilmu pengetahuan tetapi juga memerlukan perhatian yang lebih tegas dan lebih berancang. Adanya usaha-usaha membentuk istilah baru dalam bahasa Malaysia yang dikelolakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, universiti-universiti dan pusat-pusat pengajian tinggi yang lain dengan sendirinya memerlukan adanya penyelarasan yang sebaik-baiknya.

Ada dua aspek penting dalam peristilahan: penyelarasan dan pengejaan. Semenjak dari mula lagi aspek penyelarasan dan pengejaan ini menjadi masalah yang selalu diperhatikan oleh para ahli ilmu dan para ahli linguistik yang

terlibat dalam kerja-kerja mencipta istilah, terutama bagi disiplin-disiplin ilmu sains dan bidang-bidang ilmiah yang lain. Istilah-istilah baharu dalam bahasa Malaysia dicipta atau dibentuk demikian rupa supaya bukan sahaja ianya dapat melambangkan konsep, makna, keadaan atau benda yang hendak dinyatakan malah haruslah pula dapat memperlihatkan bentuk yang sesuai dengan sistem struktur bahasa Malaysia sendiri dan tidak pula lari dari konsep-konsep ilmu internasional. Oleh itu untuk menentukan bahawa istilah-istilah bahasa Malaysia tahan diuji, praktis, ilmiah dan sesuai dengan kehendak-kehendak linguistik dan bidang ilmu yang berkenaan, maka proses pembentukannya haruslah berpandu atau berdasarkan kepada aturan-aturan atau pedoman-pedoman yang standard dan bersifat antarabangsa juga.

Dalam peringkat pertumbuhan dan perkembangan sistem pembentukan istilah, berbagai aturan atau pedoman umum telah diamalkan yang dikaji dan diperbaiki pula dari semasa ke semasa. Pusat atau sekretariat pembentukan dan penyelarasan istilah di Dewan Bahasa dan Pustaka, saya percaya, telah berusaha menyelarasakan kerja-kerja yang dijalankan oleh Jawatankuasa-jawatankuasa 'Istilah' di Dewan dengan Jawatankuasa-jawatankuasa Istilah di pusat-pusat pengajian tinggi. Saya difahamkan bahawa keperluan penggunaan Istilah Bahasa Malaysia di pusat-pusat pengajian tinggi didapati mendesak sekali, pelajar-pelajar di sekolah-sekolah menengah, guru-guru, pensyarah-pensyarah, pengarang-pengarang dan penerbit-penerbit turut juga terlibat dengan penggunaan istilah yang secara tidak langsung terlibat pula dengan kerja membentuk istilah. Ini telah menyebabkan timbulnya berbagai bentuk dan cara membentuk istilah yang tidak selaras dan sukar hendak dikawal. Pemakaian istilah-istilah Bahasa Malaysia yang berlainan bagi sesuatu konsep tertentu telah menimbulkan pula masalah di kalangan pelajar-pelajar terutamanya dan pembaca-pembaca umumnya. Oleh yang demikian sudah sampai masanya bahawa satu pedoman umum pembentukan istilah yang lengkap dirumus dan diterbitkan untuk dijadikan pegangan bersama.

Pedoman Umum Pembentukan Istilah yang akan dirasmikan ini adalah merupakan satu pedoman tentang cara-cara membentuk istilah dan pengejaannya yang disusun



Kedua-dua naskhah buku pedoman ini boleh dibeli dari Dewan Bahasa dan Pustaka dengan harga seringggit senaskhah.

oleh Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia dan dipersetujui bersama oleh kedua negara Malaysia dan Indonesia. Saya difahamkan bahawa Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia yang dibentuk pada akhir tahun 1972 yang dianggotai oleh Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia dan Panitia Pengembangan Bahasa Indonesia telah mengadakan penelitian yang mendalam untuk menyediakan rumusan seperti yang terkandung dalam Pedoman Umum Pembentukan Istilah ini. Aturan-aturan ini adalah aturan-aturan umum pembentukan istilah setakat ini yang terutamanya menitikberatkan cara-cara mengeja atau menulis kata-kata pinjaman dari bahasa asing.

Saya telah melihat isi Pedoman Umum Pembentukan Istilah yang salinannya diedarkan kepada kita semua pagi ini. Saya dapati kebanyakan aturan-aturan pembentukan istilah yang dirumuskan itu adalah aturan-aturan yang telah kita pakai untuk membentuk istilah-istilah baru Bahasa Malaysia yang telah berjumlah lebih dari 100,000 dalam berbagai bidang ilmu pengetahuan dalam masa lebih 15 tahun ini. Saya dapati hanya bahagian yang mengenai pengejaan istilah, terutamanya pengejaan istilah pinjaman khusus dalam bidang-bidang ilmiah, terdapat beberapa perubahan besar yang mungkin menimbulkan sedikit rasa kekok atau janggal pada kita; misalnya huruf g dari bahasa Inggeris diterima dan dikekalkan dalam Malaysia seperti dalam kata Inggeris "agenda" menjadi agenda atau "psychology" menjadi psikologi dalam bahasa Malaysia. Tetapi saya berharap kekokan yang sedikit ini akan segera hilang dan mudah-mudahan dalam waktu yang singkat kita dapat menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan baru seperti ini.

Dengan terisytiharnya Pedoman Umum Pembentukan Istilah ini maka bukan sahaja kita dapat mengkoordinasikan kerja-kerja pembentukan istilah di negara kita, malah yang lebih penting ialah sekaligus kita dapat menyelaraskan kerja-kerja kita dengan kerja-kerja yang sama yang dibuat di Indonesia. Memanglah tujuan utama diadakan satu Pedoman Umum Pembentukan Istilah yang sama bagi kedua-dua bahasa Malaysia dan bahasa Indonesia ini adalah sebagai satu langkah hendak menyelaraskan pembinaan dan pertumbuhan istilah-istilah ilmu pengetahuan bahasa Malaysia dengan bahasa Indonesia sebagai lanjutan dari usaha kerjasama dalam bidang bahasa dan kebudayaan antara kedua negara.

Saudara-saudara sekalian,

Mulai dari hari esok, iaitu sempena Hari Kebangsaan, kita akan menggunakan kedua-dua Pedoman Umum Ejaan dan Pedoman Umum Pembentukan Istilah ini di seluruh negara. Kedua-dua dokumen mengenai ejaan dan pembentukan istilah ini akan dijual (saya berharap dengan harga yang semurah-murahnya). Semoga dengan perisytiharan pemakaian kedua-dua Pedoman ini bahasa Malaysia bertambah maju dan berkembang sesuai dan selaras dengan semangat dan cita-cita kebangsaan kita hendak menjadikan bahasa Malaysia sebagai bahasa Sains dan Teknologi.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terimakasih kepada ahli-ahli Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia yang dipengerusikan oleh Tuan Haji Sujak bin Rahiman, Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka dan juga kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama kepada Jawatankuasa ini.

PERTANDINGAN TANAM-MENANAM SAYUR-SAYURAN UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH BANTUAN PENUH DI DAERAH SABAK BERNAM 1975

Berhubung dengan Buku Hijau yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Tun Abdul Razak, satu arahan dari Kementerian Pelajaran telah dikeluarkan ke semua sekolah bantuan penuh di Malaysia Barat meminta sekolah-sekolah mengadakan kebun-kebun sayur dan buah-buahan dalam kawasan sekolah. Untuk menggalakkan murid-murid secara lebih berkesan dalam perkara ini, satu pertandingan tanam-menanam sayur-sayuran telah dilancarkan pada 6hb. Mac, 1975 oleh Pengarah Pelajaran Selangor.

Sebanyak 7 buah sekolah menengah dan 45 buah sekolah rendah dalam daerah ini telah mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut.

Jenis-jenis tanaman yang dibenarkan ditanam untuk memasuki pertandingan tersebut terbahagi kepada empat bahagian.

(a) Sayur-sayuran daun

Sawi, salad, Kai Lan, Bayam.
(Jangka tempoh matang ialah 8—10 minggu)

(b) Sayur-sayuran akar

Lobak China, Sengkuang, Halia.
(Jangka tempoh matang ialah 8—10 minggu).

(c) Sayur-sayuran kacang

Kacang panjang, kacang boncis, kacang botor/kelisa, kacang parang.
(Jangka tempoh memberi hasil ialah 12 minggu)

(d) Sayur-sayuran buah

Tomato, cili, bendir, terung, petola, peria, timun.
(Jangka tempoh memberi hasil ialah 12 minggu).

Semua urusan, tanaman dan pengelolaan di pertapakan sayur-sayuran itu mestilah dikendalikan oleh murid-murid sekolah sendiri. Nasihat guru dibenarkan. Sebarang bantuan daripada pekerja-pekerja sekolah dan orang-orang luar tidak dibenarkan.

Satu jenis tanaman sahaja dikehendaki ditanam dari (a), (b), (c) dan dua jenis tanaman dari (d).

Selain dari itu diadakan juga pertandingan melukis poster berhubung dengan Buku Hijau.

Keputusan Pertandingan Tanam-Menanam Sayur-sayuran

Sekolah Menengah

- Pertama : Sek. Men. Keb. Sungai Besar.
Kedua : Sek. Tengku Abdul Rahman Putra, Sabak Bernam.
Ketiga : Sek. Men. Yoke Kuan, Sekinchan.

Johan Untuk Seluruh Daerah bagi Sekolah Rendah

- Johan Pertama : Sek. Keb. Bagan Nakhoda Omar, Kawasan Sabak Bernam Barat.
Johan Kedua : Sek. Keb. Bagan Terap, Sungai Besar.
Johan Ketiga : Sek. Keb. Tebok Pulai, Sabak Bernam.

Kawasan Sabak Bernam Barat

- Pertama : Sek. Keb. Simpang 4, Bagan Nakhoda Omar.
Kedua : Sek. Keb. Tebok Jawa.
Ketiga : Sek. Keb. Parit Baru.

Kawasan Sabak Bernam

- Pertama : Sek. Keb. Tebok Pulai.
Kedua : S.R.J.K. (Ing.) Khir Johari.
Ketiga : Sek. Keb. Kampung Baru.

Kawasan Sekinchan

- Pertama : Sek. Keb. Sungai Haji Dorani.
Kedua : S.R.J.K. (C) Yoke Kuan.
Ketiga : Sek. Keb. Pasir Panjang.

Kawasan Sungai Besar

- Pertama : Sek. Keb. Bagan Terap.
Kedua : S.R.J.K. (C) Sin Min.
Ketiga : Sek. Keb. Panchang Bedena.

Pertandingan Hasil Tanaman

Bahagian Sekolah Menengah

- Pertama : Sek. Men. Tunku Abdul Rahman Putra, Sabak Bernam.
Kedua : Sek. Men. Keb. Sungai Besar.
Ketiga : Sek. Men. Sri Bedena, Sungai Besar.


Bahagian Sekolah Rendah

- Pertama : S.R.J.K. Yoke Kuan.
Kedua : Sek. Keb. Sapintas, Sabak Bernam.
Ketiga : Sek. Keb. Bagan Nakhoda Omar, Sabak Bernam.

Pertandingan Melukis Poster

- Pertama : Sek. Men. Jenis Keb. Yoke Kuan, Sekinchan.
Kedua : Sek. Men. Datuk Mustaffa, Pasir Panjang, Sekinchan.
Ketiga : Sek. Men. Keb. Yoke Kuan, Sekinchan.

Suatu upacara penyampaian hadiah dan pameran hasil tanaman, lukisan poster, hasil-hasil keluaran oleh Syarikat I.C.I. Agriculture (Malaysia) Sdn. Berhad dan pameran oleh Jabatan Pertanian, Daerah Sabak Bernam dan juga oleh Persatuan Kemajuan Peladang-peladang, Daerah Sabak Bernam telah diadakan pada pukul 10.45 pagi, 24hb. Julai, 1975 di Sekolah Menengah Sri Bedena, Sungai Besar, Sabak Bernam. Pengarah Pelajaran Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan yang juga selaku Pengerusi peringkat negeri untuk pertandingan ini telah merasmikan pameran itu dan menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang.



Murid-murid Tingkatan Tiga sedang mengambil Peperiksaan SRP/LCE di salah sebuah pusat peperiksaan di Selangor.

LEBIH 200,000 CALON SRP/LCE MENGAMBIL PEPERIKSAAN TAHUN 1975

Seramai 214,403 orang murid sekolah termasuk calon-calon persendirian telah mengambil peperiksaan LCE/SRP pada tahun ini. Bilangan yang mengambil peperiksaan SRP ialah 103,404 orang manakala LCE seramai 110,999 orang.

Bilangan calon yang mengambil satu matapelajaran, iaitu Bahasa Malaysia berjumlah 11,567 orang.

Peperiksaan yang bermula pada 13hb. Oktober, 1975 itu telah berakhir pada 20hb. Oktober, 1975.

Pada keseluruhannya bilangan calon yang mengambil kedua-dua peperiksaan ini meningkat kira-kira 4,000 orang dari tahun lalu.

Di samping itu seramai 258,730 orang murid darjah lima telah mengambil peperiksaan penilaian pada awal bulan September yang lalu. Antaranya terdapat 168,798 orang dari Sekolah Kebangsaan (termasuk dari sekolah-sekolah yang dulu dikenali Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris) 77,165 orang dari Sekolah Jenis Kebangsaan China dan 12,767 dari Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.

PERTANDINGAN MEMBACA DAN MENTAFSIR AL-QURAN MURID-MURID SEKOLAH 1975

Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran di antara murid-murid sekolah rendah dan mentafsir Al-Quran di antara murid-murid sekolah menengah telah diadakan di Masjid Negara, Kuala Lumpur pada 22hb. dan 23hb. Ogos, 1975 yang lalu. Seramai 16 orang peserta yang mewakili 4 kawasan iaitu kawasan Utara, Tengah, Selatan dan Pantai Timur telah menyertai pertandingan tersebut.

Inilah kali ketiga pertandingan tersebut diadakan. Pertandingan kali yang pertama telah diadakan pada tahun 1972, iaitu serentak dengan Expo Pendidikan dan pertandingan kali yang kedua diadakan pada tahun 1974.

Tujuan diadakan pertandingan tersebut adalah sebagai satu usaha Kementerian Pelajaran untuk memupuk minat murid-murid kepada pelajaran Agama Islam serta menanamkan rasa cinta mereka terhadap Al-Quran.

Yang Berhormat Menteri Pelajaran dalam ucapan pembukaannya di majlis tersebut telah mengatakan, "Membaca Al-Quran dan memahami isi kandungannya adalah perkara yang mustahak diketahui oleh orang-orang Islam kerana kita percaya Al-Quran itu adalah sebuah kitab suci dalam agama Islam yang diturunkan oleh Allah serta mengandungi pelajaran-pelajaran yang boleh menjadi panduan hidup kepada umat manusia."

Yang Berhormat Dr. Mahathir juga dalam buku cenderamata pertandingan tersebut telah menyatakan bahawa, "Kitab Suci Al-Quran mengandungi berbagai-bagai ilmu pengetahuan yang bernilai yang menjadi panduan hidup manusia, usaha-usaha untuk mengkaji dan mencungkil kandungan Al-Quran itu patutlah digalakkan dari peringkat awal lagi. Langkah-langkah positif serta daya usaha yang bersungguh-sungguh perlu diambil oleh semua pihak bagi menanamkan semangat kecintaan pada Al-Quran seterusnya beramal dengan kandungannya."

Pertandingan ini telah berakhir dengan keputusan seperti berikut:-

- | | | |
|---|---|---|
| (i) Johan tafsir Al-Quran
— Lelaki | : | Raja Zainulabidin bin Raja Omar,
Sek. Men. Sultan Abu Bakar, Kuantan. |
| (ii) Johan tafsir Al-Quran
— Perempuan | : | Cik Jamaliah bt. Salleh,
Sek. Men. Datuk Bentara Luar,
Batu Pahat, Johor. |
| (iii) Johan bacaan Al-Quran
— Lelaki | : | Munawir b. Ibrahim,
Sek. Ren. Keb. Undang Rembau,
Negeri Sembilan. |
| (iv) Johan bacaan Al-Quran
— Perempuan | : | Anisah bt. Abdullah,
Sek. Keb. Mentera,
Kota Bharu,
Kelantan. |

KURSUS HUJUNG MINGGU



Para peserta dan pegawai-pegawai yang telah menamatkan Kursus Pendidikan Kesihatan Tempatan yang telah berlangsung di Sekolah Rendah Limpoon (2) Batu Pahat dari 14hb. Jun hingga 23hb. Ogos, 1975.

Seramai 31 orang guru dari daerah Batu Pahat, Johor telah tamat mengikuti Kursus Hujung Minggu di Pusat Latihan Kesihatan Tempatan, Sekolah Rendah Limpoon Dua, Batu Pahat Johor. Kursus Pendidikan Kesihatan dan Amalan Makanan dan Pemakanan ini telah diadakan dari 14hb. Jun hingga 23hb. Ogos, 1975.

Kursus pada hujung minggu dan dalam kelepasan penggal sekolah ini telah dijayakan bersama oleh Jabatan Pelajaran Johor dengan Jabatan-jabatan Kesihatan dan Pergigian, Pertanian, Haiwan dan Jabatan-jabatan yang ada hubungannya dengan Pendidikan Kesihatan.

Timbalan Pengarah Pelajaran Johor, Encik Khalid bin Mohamad Jamin, telah mengucapkan terimakasih kepada Jabatan-jabatan tersebut. Kepada guru-guru beliau meminta supaya menyampaikan pengetahuan yang telah mereka terima itu kepada murid-murid dan juga masyarakat setempat melalui agensi-agensinya sekolah seperti Persatuan Ibu Bapa-Guru.

Kursus ini dikelola oleh dua orang kakitangan Penting Pendidikan Kesihatan, iaitu Encik Haron Mohamad sebagai Pengerusi dan Encik Nordin Majid sebagai Setiausaha. Kursus tersebut telah diadakan di Sekolah Rendah Limpoon (2), Batu Pahat.

Duduk dari kiri ke kanan

1. Puan Naharian Abdullah — Ahli J/K Pusat.
2. En. Jaafar bin Adon — Pegawai Bomba Batu Pahat.

3. En. Tan Ah Bah — Merinyu Kesihatan Umum, Batu Pahat.
4. En. A. Rahman Hj. Kasbon — Pengelola ETV, Jabatan Pelajaran, Johor.
5. Dr. Jaswant Singh — Pegawai Pergigian Batu Pahat.
6. En. Khalid Mohd. Jamin — Timbalan Pengarah Pelajaran Johor.
7. En. Tan Meng Kwang — Pengelola Kesihatan Sekolah, Jabatan Pelajaran, Johor.
8. Dr. A. Givind — Pegawai Kesihatan Kanan Batu Pahat.
9. En. Haron Mohamad — Pengerusi J/K Pusat.
10. En. Khaw Eng Bin — Guru Besar, S.R. Limpoon 2, Batu Pahat.
11. En. Nordin Majid — Setiausaha J/K Pusat.
12. En. Sh. Rattas Ali — Ahli J/K Pusat.



Bangunan Sekolah Menengah Tengku Sulaiman, Tunjong, Perlis.


HARI UCAPAN DAN PENYAMPAIAN HADIAH SERTA PEMBUKAAN BANGUNAN TAMBAHAN BILIK MAKMAL SAINS SEKOLAH MENENGAH TENGKU SULAIMAN, TUNJONG PERLIS

Yang Berbahagia Ketua Pengarah Pelajaran Tan Sri Haji Hamdan bin Sheikh Tahir baru-baru ini telah merasmikan Hari Ucapan dan Penyampaian Hadiah serta merasmikan pembukaan Bangunan Tambahan Bilik Makmal Sains Sekolah Menengah Tengku Sulaiman, Tunjong, Perlis.

Mengikut laporan guru besarnya, Encik Mohd. Hashim bin Abd. Rahman, sekolah ini telah mencapai keputusan terbaik di seluruh negeri Perlis dalam peperiksaan SRP bagi tahun 1974. Sekolah ini juga sedang mengalami pertambahan murid yang besar dalam masa yang singkat. Murid-murid ini terdiri daripada anak pekerja-pekerja daripada dua projek Kerajaan di daerah ini. Bilangan murid sekolah ini pada masa sekarang ialah seramai 1,175 orang.

Tan Sri Haji Hamdan dalam ucapannya antara lain telah menegaskan mustahaknya pelajaran sains dan teknologi di zaman ini. Katanya, "kanak-kanak mestilah diberi peluang untuk mengikuti pelajaran sains. Generasi sekarang adalah orang yang memerintah dan memajukan negara pada masa akan datang. Pelajaran mustahak dalam semua lapangan hidup. Walaupun demikian pelajaran sivik dan kebudayaan lama janganlah ditinggalkan. Kita mestilah pandai memilih pelajaran yang sesuai untuk kepentingan murid-murid."

Tan Sri Haji Hamdan seterusnya merasa kagum melihat perkembangan dalam kemajuan pelajaran di kalangan masyarakat di negeri Perlis jika dibandingkan dengan keadaannya pada tahun-tahun yang kebelakangan ini.



Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Haji Hamdan bin Sheikh Tahir sedang menyampaikan ucapannya.

**KURSUS-KURSUS DALAM PERKHIDMATAN DALAM MASA CUTI PENGGAL II 1975
ANJURAN BAHAGIAN LATIHAN GURU, KEMENTERIAN PELAJARAN.**

Berikut ialah jadual kursus-kursus dalam masa cuti Penggal II tahun 1975 yang dikelolakan oleh Bahagian Latihan Guru, Kementerian Pelajaran.

No.	Nama Kursus	Bilangan peserta		Jumlah peserta	Tarikh	Tempat Kursus	Peringkat
		L	P				
1.	Guru Agama Sek. Men. Kum. — D	144	106	250	<u>28.7.1975</u> 8.8.1975	Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim.	VI
2.	Guru Agama Sek. Men. Kum. — X (III)	98	10	108	"	Maktab Perguruan Teknik, Kuala Lumpur.	III
3.	Guru Sementara Tamil SRT V	72	29	101	"	Sekolah Menengah Sains, Kuala Lumpur.	VI
4.	Guru Sementara China SRC VI	19	62	81	"	Sekolah Tun Fatimah, Johor Bharu.	I
		24	65	89	"	Sekolah Menengah Sains, Sungai Petani, Kedah.	I
		33	93	126	"	Sekolah Menengah Vokasional, Setapak, Kuala Lumpur.	
5.	Guru Sementara China SRC IV	37	58	95	"	Sekolah Menengah Tun Fatimah, Johor Bharu.	I
		18	43	61	"	Sekolah Menengah Sains, Sungai Petani, Kedah.	VI
		51	48	99	"	Sekolah Menengah Tinggi, Setapak, Kuala Lumpur.	VI
6.	Guru Sementara China SRC V			100	"	Sekolah Menengah Setapak, Kuala Lumpur.	III
7.	Guru Sementara Sekolah Rendah	67	64	131	"	Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim.	VI
8.	Latihan Semula Bahasa Malaysia SRJK (Inggeris) dan SMJK (Inggeris)			150	<u>29.7.1975</u>	Maktab Perguruan Bahasa Kuala Lumpur.	II
				200	7.8.1975	Maktab Perguruan Teknik, Kuala Lumpur.	II
				300	"	Maktab Perguruan Temenggung Ibrahim, Johor Bharu.	II
				150	"	Maktab Perguruan Melayu, Melaka.	II
9.	Guru Sementara Tamil SRT VI			200	"	Maktab Perguruan Persekutuan, Pulau Pinang.	II
		67	39	106	<u>28.7.1975</u> 8.8.1975	Sekolah Menengah Sains, Jalan Cheras, Kuala Lumpur.	I
					"		
10.	Pendidikan Peringkat Awal Kanak-kanak I	68	77	145	"	Maktab Perguruan, Kota Bharu, Kelantan.	I
		31	93	124	"	Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim.	I
		61	139	200	"	Maktab Perguruan Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan.	I

80 PROJEK UNTUK PAMIRAN SAINS SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH SELURUH MALAYSIA

Pameran Sains Sekolah-sekolah Menengah Malaysia peringkat Kebangsaan yang ke-5 telah diadakan dari 12hb. Ogos hingga 15hb. Ogos, 1975 di Sekolah Menengah Alam Shah, Cheras, Kuala Lumpur. Projek tersebut dianjurkan oleh ESSO Malaysia Berhad dan dikelolakan oleh Kementerian Pelajaran. Pamiran selama 4 hari itu telah dibuka kepada orang ramai pada 13 dan 14hb. Ogos dari pukul 8.30 pagi hingga 6.00 petang dan pada 15hb. Ogos dari pukul 8.30 pagi hingga 1.00 petang.

Yang Berhormat Dr. Mahathir bin Mohamad, Menteri Pelajaran telah merasmikan pembukaan pamiran itu pada 12hb. Ogos pukul 4.30 petang. Puan Dr. Siti Hasmah binti Haji Mohd. Ali, isteri Menteri Pelajaran telah menyampaikan hadiah-hadiah kepada pasukan-pasukan yang berjaya.

Dalam ucapan pembukaannya, Y.B. Dr. Mahathir antara lain menyatakan bahawa Kementerian Pelajaran mulai tahun 1969 telah membaharui kurikulum-kurikulum sains dan hisab bersesuaian dengan keadaan di negara ini dan dengan perkembangan ilmu pengetahuan pada masa ini. Selain dari itu cara-cara mengajar/belajar juga telah diubah, iaitu dari hanya pemberian/penerimaan fakta kepada mengajar/belajar proses, yakni murid-murid dikehendaki melakukan sesuatu dengan cara dan fikiran yang saintifik.

Dr. Mahathir juga menegaskan bahawa mulai tahun ini Persatuan Pendidikan Sains dan Hisab telah ditubuhkan dan Persatuan ini mempunyai cawangan-cawangan di peringkat negeri dan daerah. Dengan tertubuhnya persatuan ini adalah diharapkan supaya guru-guru dapat menitikberatkan perkembangan profesional dalam pengajaran sains dan hisab.

Pamiran itu bertujuan untuk menimbulkan insentif di kalangan pelajar-pelajar Malaysia supaya lebih meminati dan menghargai pengajian sains dan memperkembangkan sifat kreatif dalam penyelidikan-penyelidikan sains sejajar dengan dasar Kerajaan yang menggalakkan perkembangan sains dan teknologi di Malaysia. Pada tahun ini sebanyak 80 projek yang meliputi fizik, kimia, kajihayat dan ilmu hisab telah pun diterima untuk pamiran itu.

Hadiah wang tunai yang berjumlah \$8,000.00 telah diberikan kepada projek-projek yang menang dalam berbagai bahagian. Pamiran itu dihakimi oleh satu panel hakim yang terdiri daripada pakar-pakar dalam lapangan masing-masing.

Satu lagi rancangan yang ada kaitannya ialah siri talivisyen, iaitu Rancangan Saintis Muda yang dikelolakan bersama oleh Kementerian Pelajaran dan Kementerian Penerangan dan dianjurkan oleh ESSO Malaysia Berhad. Rancangan ini akan memulakan siri keduanya dalam masa beberapa bulan lagi.

Pemenang-pemenang dalam pertandingan tersebut adalah seperti berikut:

Matapelajaran dan peringkat	Hadiah	Sekolah	Negeri	Projek
Hisab Rendah	Pertama	Sek. Men. St. Joseph, Johor Baharu.	Johor	Sistem Perhitungan: Kaedah Ilmu Hisab Moden. <i>Counting System: Modern Mathematics Approach.</i>
Hisab Atas	Pertama	Sek. Men. Penang Free, P. Pinang.	P. Pinang	Lingkages dan Mesin-mesin untuk Melukis Kelok Harmonik.
Fizik Rendah	Pertama	Sek. Men. Inggeris, Kluang, Johor.	Johor	Komputer Analogue Ringkas. <i>Simple Analogue Computer.</i>
Fizik Atas	Pertama	Sek. Men. Laki-laki Methodist, Jalan Davidson, Kuala Lumpur.	Wilayah Persekutuan	Alat Pembaca Sentuh untuk Orang Buta. <i>Tactile Reading Machine for the Blind.</i>
Kimia Rendah	Pertama	Sek. Men. Kolej Tunku Khurshiah, Seremban.	Negeri Sembilan	Memproses Kertas dari Hampas Tebu/lalang. <i>Conversion of Sugarcane Fibres/lalang leaves.</i>
Kimia Atas	Pertama	Sek. Men. St. John, Bukit Nanas, Kuala Lumpur.	Wilayah Persekutuan	Membuat Baja Posfat dari Siput Kerang. <i>Manufacture of Phosphate Fertilizer from Cockles.</i>
Kajihayat Rendah	Pertama	Sek. Men. St. Joseph, Johor Baharu.	Johor	Satu Eksperimen Terhadap Penyelidikan Kesan-kesan yang spontan dan pendedaran yang berterusan berbagai darjah Gelombang Bunyi ke atas aspek-aspek Fisiologi dan Saikologi Tikus-tikus. Satu eksperimen untuk mengkaji pencemaran bunyi.
Kajihayat Atas	Pertama	Sek. Men. Maktab Sultan Ismail,	Kelantan	Kesan-kesan Kekurangan Makanan ke atas Pembesaran Otak. <i>The Effects of Malnourishment on Brain Development.</i>

PERUNTUKAN TAMBAHAN KEPADA KEMENTERIAN PELAJARAN DILULUSKAN

Dewan Rakyat dalam persidangannya baru-baru ini telah meluluskan Peruntukan Tambahan sebanyak \$317.31 juta kepada Kementerian Pelajaran bagi tahun 1973, 1974 dan 1975.

Tatkala membentangkan ucapannya kepada Dewan, Y.B. Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir bin Mohamad telah menerangkan dengan lanjutnya sebab-sebab tambahan itu diperlukan.



Y.B. Dr. Mahathir bin Mohamad

Bagi tahun 1973, Kementerian Pelajaran memerlukan sebanyak \$65.95 juta untuk bayaran gaji guru-guru dan kakitangan sekolah rendah dan menengah di Semenanjung Malaysia. Peruntukan tambahan sebanyak \$28.59 juta ialah bagi maksud yang sama untuk negeri Sabah.

Bagi tahun 1974 peruntukan tambahan sebanyak \$146.28 juta diperlukan. Peruntukan tambahan sebanyak \$117.59 juta bagi perbelanjaan membayar gaji dan bonus guru-guru dan kakitangan sekolah-sekolah rendah dan menengah; \$12.69 juta bagi membiayai pembayaran gaji, bonus dan pendahuluan gaji bagi satu bulan setengah kepada kakitangan badan-badan berkanun Kementerian ini dan sebanyak \$16 juta lagi adalah untuk membiayai Rancangan Buku Teks untuk dipinjamkan kepada murid-murid yang ibu bapa mereka berpendapatan rendah.

Tambahan sebanyak \$23.80 juta juga diperlukan bagi Jabatan Pelajaran Sabah dan Sarawak untuk bayaran gaji, elaun-elaun dan bonus serta gaji tunggakan di kedua-dua negeri tersebut.

Dalam tahun 1975 pula, Kementerian memerlukan peruntukan tambahan sebanyak \$49.69 juta. Sebanyak \$22.96 juta dari tambahan itu ialah untuk membayar gaji, bonus dan tunggakan gaji kepada kakitangan badan-badan berkanun, berkaitan dengan pelaksanaan Suruhanjaya Gaji Harun; \$1,028 juta untuk pembiayaan penyusunan semula Fakulti Sains di Universiti Malaya; \$25.7 juta bagi bayaran pembekalan buku-buku teks di bawah Rancangan Pinjaman Buku Teks 1975.

Negeri-negeri Sabah dan Sarawak juga memerlukan tambahan sebanyak \$3 juta bagi pembayaran gaji dan bonus guru-guru di sekolah-sekolah rendah.

MSSM

LAPORAN TAHUNAN 1974 MSSM

Tahun 1974 merupakan tahun yang sungguh berjaya bagi MSSM sama ada di Peringkat Kebangsaan mahupun Antarabangsa.

Sebanyak 34 pertandingan dan kejohanan di Peringkat Kebangsaan telah dapat dijalankan di sepanjang tahun itu. Semua pertandingan dan kejohanan ini telah di-kelolakan oleh Majlis Sukan Sekolah-sekolah Negeri-negeri bagi pihak MSSM. Kejayaan semua pertandingan dan kejohanan tersebut adalah hasil dari kerjasama sepenuhnya yang diperolehi daripada guru-guru dan pegawai-pegawai lain yang telah bekerja kuat bagi pihak MSSM untuk men-jayakan rancangan-rancangan tersebut.

Acara pertama pada tahun 1974 di Peringkat Ke-bangsaan ialah Kejohanan Olahraga Sekolah-Sekolah Malaysia untuk merebut Piala Tun Abdul Razak yang di-kelolakan oleh MSS Pahang. Pertandingan Bolasepak Seko-lah-sekolah antara-negeri MSSM untuk Piala Rahman di-kelolakan oleh MSS Johor. Pertandingan Hoki Sekolah-sekolah antara-negeri MSSM untuk Piala Mohamad Yaacob dan Bolakeranjang untuk Piala Tan Sri Hamdan dianjurkan oleh MSS Selangor dan Badminton untuk Piala Khir Johari di-kelolakan oleh MSS Pulau Pinang.

Pertandingan Hoki Sekolah-sekolah antara-negeri MSSM bagi murid-murid lelaki di bawah umur 18 tahun telah diadakan secara pesta buat pertama kalinya tahun ini. Taraf permainan yang ditunjukkan oleh peserta-peserta amatlah tinggi dan pasukan ini telah keluar sebagai Naib Johan di dalam Pertandingan Hoki Malaysia bagi peserta-peserta di bawah umur 23 tahun. Ini adalah satu pelakuan yang cemerlang oleh murid-murid sekolah dan seharusnya menjadi petanda yang baik bagi masa hadapan hoki di negara kita. Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia yakin bahawa ramai di antara pemain-pemain yang mengambil bahagian dalam pertandingan ini tidak lama lagi akan mewakili bukan sahaja negeri mereka masing-masing dalam Pertandingan-pertandingan Bolasepak Piala Razak dan Piala Malaysia yang di-kelolakan oleh Persatuan Bolasepak Malaysia tetapi juga akan mewakili Malaysia dalam per-tandingan-pertandingan bolasepak antarabangsa.

Dalam perkembangan sukan pada peringkat negeri, daerah dan sekolah, kepujian harus diberi kepada Majlis-Majlis Sukan Sekolah-sekolah Negeri yang telah menumpu-kan penegasan sewajarnya ke atas kursus-kursus latihan dan melatih bagi guru-guru mahupun murid-murid di negeri-negeri mereka masing-masing. Banyak pertubuhan sukan negeri dan kebangsaan seperti Persatuan Bolasepak Malaysia, Persatuan Amator Bolasepak Malaysia, Persatuan Renang Malaysia, Persatuan Hoki Malaysia, Persatuan Amator Olahraga Malaysia, Persatuan Badminton Malaysia

dan Persatuan Sepaktakraw Malaysia telah memberikan bantuan yang berfaedah kepada Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia dan Majlis-majlis Sukan Sekolah-sekolah Negeri dalam meninggikan taraf penyertaan murid-murid di bidang berbagai-bagai jenis sukan.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telahpun mengelolakan kursus-kursus latihan dan melatih dalam usaha meninggikan taraf latihan dan kesan-kesan latihan peserta-peserta di bidang berbagai-bagai jenis sukan pada peringkat negeri dan kebangsaan. Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia dan semua Majlis Sukan Sekolah-sekolah Negeri sangat terhutang budi kepada Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan kerana mempelawa mereka mengambil bahagian dalam kursus-kursus ini. Perhubungan dan kerjasama yang rapat sememangnya wujud di antara Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia dan semua Majlis Sukan Sekolah-sekolah Negeri dalam perkembangan sukan pada peringkat negeri dan kebangsaan.

Dalam menjalankan pertandingan-pertandingan kejohanan olahraga dan sukan pihak penganjur memerlukan perbelanjaan yang banyak bagi menjayakan rancangan-rancangan itu. Syarikat-syarikat yang terkemuka di negara ini seperti Syarikat Nestle's Products (M) Berhad, Caltex Oil (M) Berhad dan Dunlop Malaysian Industries Berhad patut diberi pujian atas sumbangan yang berpatutan berupa wang dan matabenda kepada Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia dan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Negeri dalam usahanya membantu menjayakan pertandingan-pertandingan tersebut. Adalah diharapkan di tahun-tahun yang akan datang lebih banyak lagi firma-firma lain tampil ke hadapan untuk menganjurkan lebih banyak lagi Pertandingan Sukan MSSM.

Pertandingan Bolasepak Sekolah-sekolah Asia 1974

Pertandingan Bolasepak Sekolah-Sekolah Asia yang kelima bagi murid-murid lelaki di bawah umur 18 tahun telah diadakan di Manila, Filipina dari 14hb. hingga 21hb. Disember, 1974. Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia telah mewakili Malaysia dalam pertandingan ini. Dalam utusannya bersempena dengan pertandingan ini, Yang Berhormat Dr. Mahathir bin Mohamad, Menteri Pelajaran Malaysia, menyatakan: "Sesuai pertandingan seumpama ini memainkan peranan yang penting bukan sahaja dalam memajukan taraf bolasepak di kalangan yayasan-yayasan pelajaran dari negara-negara peserta tetapi juga dalam mengukuhkan lagi persahabatan dan muhibbah yang wujud di kalangan negara-negara ini."

Pasukan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia telah memenangi Pertandingan Bolasepak Sekolah-sekolah Asia yang kelima ini dengan pada mulanya mengalahkan pasukan Vietnam Selatan 3 — 1 pada peringkat separuh akhir dan kemudiannya mengalahkan pasukan Filipina 2 — 1 pada peringkat akhir. Kejayaan Pasukan MSSM sebahagian besarnya adalah hasil daripada rancangan kemajuan bolasepak yang berkesan diatur dan dilaksanakan pada peringkat sekolah, daerah dan negeri oleh Majlis-majlis Sukan Sekolah-sekolah Negeri dan pada peringkat kebangsaan oleh Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia.

Kejohanan Renang Sekolah-Sekolah Asia 1974

Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia telah mengambil bahagian dalam Kejohanan Renang Sekolah-Sekolah Asia 1974 yang diadakan di Singapura. Pemilihan peserta-peserta adalah berdasarkan kepada pelakuan mereka dalam Kejohanan Renang Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia yang telah diadakan di Ipoh. Oleh kerana murid-murid dari Sabah dan Sarawak tidak mengambil bahagian dalam Kejohanan Renang Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia, mereka tidak dipertimbangkan untuk dipilih mewakili Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia dalam Kejohanan Renang Sekolah-Sekolah Asia 1974.

Lima buah negara — Hong Kong, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Negeri Thai telah mengambil bahagian dalam Kejohanan Renang Sekolah-Sekolah Asia 1974, dan Malaysia telah menduduki tempat ketiga dengan mendapat 2 pingat emas, 4 pingat perak dan 11 pingat gangsa.

Pemilihan Olahragawan dan Olahragawati 1974 di peringkat negeri dan kebangsaan

Pemilihan ini telah dijalankan di peringkat negeri oleh Majlis Sukan Sekolah-sekolah di negeri masing-masing. Keputusannya adalah seperti berikut:

Negeri	Olahragawan	Olahragawati
Johor	Lee Fook Chiang	Aishah bt. Jalil
Kedah	Harun Rasheed bin Othman	Noor Kamariah bt. Kamaruddin
Kelantan	Wong Chee Keong	Choo Soo Fei
Melaka	Lim Chog Watt	Goh Juat Jee
N. Sembilan	Mohd. Ayub bin Abu Hassan	Lim Yoong Chin
Pahang	Tee Meng	R. Yamunah
Perak	Abdul Jalil b. Yaakub	Junaidah bt. Aman
Perlis	Andah b. Ladin	Tam Chooi Ngoh
P. Pinang	Saw Swee Leong	Boon Ma Aroon-ratna
Sabah	Jaykol Gubal	Viana Majin
Sarawak	Tensay Ak Minggu	Yap Pao Chen
Selangor	Chiang Jin Choon	Mona Chin
Terengganu	Yeo Sin Soon	Absah bt. Muda

Yang berikut telah dipilih sebagai Olahragawan dan Olahragawati MSSM bagi tahun 1974:

Olahragawan	Olahragawati
Harun Rasheed bin Othman, Kedah.	Mona Chin, Selangor.

Sebagai tambahan kepada Piala Olahragawan dan Olahragawati, pemenang-pemenang ini telah juga dihadiahkan Blazer dan Lambang MSSM. Blazer dan Lambang adalah hadiah daripada Syarikat Nestle's (Malaysia) Berhad.

Hasil dari pertandingan-pertandingan yang diusahakan oleh MSSM bukan sahaja dapat membentuk fikiran serta jasmani murid-murid dengan baiknya tetapi juga akan dapat menyediakan bakat-bakat untuk membentuk pasukan kebangsaan dalam berbagai kegiatan sukan dan olahraga pada masa hadapan..